



**PUSAT GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH NASIONAL  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**KENYATAAN MEDIA**

---

**CPI: PELAKSANAAN NACP MAMPU TINGKATKAN KEDUDUKAN MALAYSIA**

**Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuaht Nasional (GIACC)** memandang serius berhubung penurunan kedudukan dan skor negara dalam **Indeks Persepsi Rasuaht (CPI)** yang diumumkan oleh **Transparency International Malaysia (TI-M)** semalam, dan akan memberi perhatian kepada cadangan-cadangan yang telah dikemukakan.

Semua agensi peneraju perlu lebih cakna dengan pelaksanaan **Pelan Antirasuaht Nasional (NACP)**. GIACC sebagai penyelaras dengan kerjasama agensi-agensi peneraju akan terus mempergiatkan gerakan pelaksanaan inisiatif-inisiatif dalam enam bidang keutamaan yang dinyatakan dalam NACP.

GIACC yakin bahawa pelaksanaan penuh inisiatif-inisiatif yang terkandung dalam NACP secara agresif dan drastik akan memberi manfaat secara menyeluruh dalam menginstitusikan tadbir urus baik, integriti dan antirasuaht di samping mampu memberi impak kepada kedudukan Malaysia dalam penilaian CPI pada masa akan datang.

GIACC juga akan meneliti secara menyeluruh syor-syor yang telah dikemukakan oleh pihak TI-Malaysia dan akan terus komited dalam memastikan pelaksanaan dasar dan inisiatif yang terkandung dalam NACP dilaksanakan, selaras dengan prinsip ketelusan, akauntabiliti, kecekapan dan keberkesanannya dalam perkhidmatan awam.

Penurunan skor dan kedudukan Malaysia dalam CPI bagi tempoh dua tahun berturut-turut merupakan satu perkara yang amat serius dan boleh memberi impak negatif kepada ekonomi negara.

Justeru, komitmen daripada semua amat penting dalam memastikan pelaksanaan NACP ke arah mencapai matlamat Keluarga Malaysia yang berintegriti tinggi dan bebas rasuaht. [TAMAT]

**Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuaht Nasional (GIACC)  
Jabatan Perdana Menteri**  
26 Januari 2022